

AKTA PERHIMPUNAN AMAN 2012 DARI PERSPEKTIF *MAQĀṢID AL-SYARĪ‘AH*

Peaceful Assembly Act 2012 from the Perspective of *Maqāṣid al-Sharī‘ah*

Ridzwan Ahmad¹
Mohammad Nidzam Abdul Kadir²

ABSTRACT

*The Peaceful Assembly Act 2012 was enacted by the Parliament of Malaysia in 2012. There are various opinions concerning this Act. Those who object this Act believe that it is an attempt to prevent any form of assembly from taking place. However, there are those who, in contrast, believe that this Act is to control untoward incidents like riots and clashes. This article is meant to evaluate whether each jurisdiction of the Act is to prevent any form of assembly or to control it. If this Act is to prevent assemblies totally then, it should be modified and improvised since assemblies are approved and acknowledged by the Federal Constitution and in accordance with *maqāṣid al-sharī‘ah*. However, if this Act strives to control assemblies, then it is in accordance with *maqāṣid al-**

¹ Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, ridzwan@um.edu.my.

² Ph.D Candidate, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya.

shar'iah. This study used library research as a method of study. It evaluated every jurisdiction in the article from the perspective of maqāṣid al-shar'iah. The study found that this Act is good for stability of the country and aims to control assemblies. However, some jurisdictions in this Act should be reviewed because it will prevent assemblies.

Keywords: *Peaceful Assembly Act 2012, parliament, Federal Constitution, maqāṣid al-shariah*

PENDAHULUAN

Hak berkaitan dengan kebebasan bersuara dan berhimpun bukanlah sesuatu yang baru diperkatakan oleh mana-mana golongan di dunia ini. Ianya telah menjadi isu sejagat sejak sekian lama dan diperjuangkan oleh pelbagai pihak berlandaskan sistem demokrasi yang mementingkan hak kebebasan asasi. Malaysia juga tidak terkecuali kerana menjadikan sistem demokrasi sebagai corak pemerintahan negara. Dalam amalan sistem demokrasi di Malaysia, kebebasan bersuara dan kebebasan berhimpun dijamin oleh Perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara. Ianya dinyatakan dalam perlembagaan Persekutuan melalui perkara 10, fasal 1 iaitu³:

10. Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan.

(1) Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4) –

(a) tiap-tiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara;

(b) semua warganegara berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata;

Berdasarkan peruntukan ini adalah amat jelas hak setiap warga negara Malaysia untuk bercakap bagi menyuarakan pendapat dan pandangan. Begitu juga hak untuk berhimpun di mana sahaja dengan dua syarat. Syarat pertama; perhimpunan secara aman dan bukannya pergaduhan, rusuhan dan sebagainya. Syarat kedua; tidak membawa bersama sebarang senjata.

³ Perlembagaan Persekutuan (Batu Caves: Penerbitan Akta (M) Sdn. Bhd., 2010), 8, Perkara 10, Fasal 1.

Ditinjau dari aspek Islam, kebebasan bersuara ini adalah asas umum yang dijamin dalam Islam⁴. Bahkan al-Quran secara dasarnya membenarkan orang yang dizalimi untuk bercakap tentang kejahatan yang berlaku terhadapnya. Firman Allah SWT:

لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهَرُ بِالشَّوْءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَنْ ظُلِمَ

“Allah tidak menyukai ucapan buruk, (yang diucapkan) dengan terus terang kecuali oleh orang yang dianaya”.

(Surah al-Nisā’, 4: 148)

Dalam menghuraikan ayat ini, Qatādah menjelaskan dengan menampilkan kisah seorang lelaki yang menjadi tetamu kepada seorang insan. Namun insan tersebut tidak menunaikan hak sebagai seorang tetamu. Oleh itu, dibenarkan bagi lelaki itu bercakap kepada orang ramai menjelaskan tentang sikap dan tingkah laku insan tersebut yang tidak menunaikan haknya sebagai seorang tetamu⁵. Dalam hal ini dari sudut zahirnya perbuatan menceritakan keburukan seseorang adalah dikira sebagai mengumpat. Ini kerana mengumpat adalah perbuatan menceritakan tentang saudara kita mengenai apa yang ia tidak suka jika cerita itu sampai kepadanya⁶. Justeru itu perbuatan mengumpat termasuk dalam perbuatan dosa di sisi Allah SWT. Walau bagaimanapun, ia dibenarkan dalam kes apabila seseorang itu dizalimi. Berdasarkan penjelasan tafsir ini, ia menggambarkan kebebasan bersuara yang dijamin oleh Islam apabila berlakunya sesuatu kezaliman. Walaupun perbuatan menceritakan keburukan seseorang dikira termasuk dalam dosa mengumpat, namun Islam membenarkannya kerana melibatkan hak seseorang yang telah dizalimi. Meskipun dalam kes ini kezaliman boleh dianggap kecil, namun apabila ia melibatkan hak orang lain ia masih dianggap perbuatan zalim.

Dalam Islam kebebasan berhimpun merupakan asas umum yang dibenarkan bahkan menjadi sebahagian dari ibadat jika ianya melibatkan ketaatan kepada Allah SWT. Umat Islam berhimpun setiap hari untuk menunaikan solat berjamaah dan seminggu sekali pada hari jumaat untuk menunaikan solat jumaat. Begitu juga perhimpunan besar umat Islam setahun sekali ketika musim ibadah haji. Perhimpunan harian, mingguan dan perhimpunan di padang ‘Arafah

⁴ ‘Abd ‘Azīz al-Khayyāt, *al-Niẓām al-Siyāsī fī al-Islām* (Kaherah: Dār al-Salām, 1999), 49.

⁵ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Ażīm* (Mansurah: Maktabah al-Īmān, 1996), vol. 2, 274.

⁶ Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *Iḥyā ‘Ulūm al-Dīn* (Mansurah: Maktabah al-Īmān, 1996), vol. 3, 204.

adalah petunjuk bahawa Islam tidak menegah perhimpunan manusia. Bezanya adalah perhimpunan manusia yang dalam lingkungan ibadat asasi bertujuan menunaikan hak Allah SWT sebagai tuhan yang wajib disembah manakala perhimpunan di luar dari lingkungan ibadat asasi bertujuan menyatakan hak masing-masing yang dizalimi. Dalam Islam, mencari kebenaran merupakan sesuatu yang amat dituntut. Hashim Kamali menjelaskan satu ketetapan⁷:

“Even so, it is reasonable to assume that in the event of a direct conflict between the quest for truth and human dignity, the former would normally prevail”.

Walau bagaimanapun, kebebasan bersuara dan berhimpun bukanlah kebebasan yang mutlak tanpa kawalan. Oleh itu, perkara 10 Fasal (2) memperuntukkan kuasa Parlimen untuk menggubal suatu akta bagi mengawal hak kebebasan bersuara dan berhimpun. Dimaktubkan dalam Fasal (2)⁸ iaitu:

(2) Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan –

- (a) ke atas hak yang diberikan oleh perenggan (a) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan...
- (b) ke atas hak yang diberikan oleh perenggan (b) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam;

Peruntukan Fasal (1) yang menjamin kebebasan bercakap dan berhimpun adalah selaras dengan *maqāṣid al-syarī‘ah*. Ini kerana antara dasar Islam ialah konsep *amar ma‘rūf* dan *nahi munkar* selaras dengan perintah Allah SWT dalam surah Āli ‘Imrān ayat 104:

وَلَتَكُن مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٤﴾

“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebaikan, menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta mencegah dari segala perbuatan yang

⁷ Mohammad Hashim Kamali, *Freedom of Expression in Islam* (Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd., 1998), 9.

⁸ Perlembagaan Persekutuan, 9, Perkara 10, Fasal 2.

mungkar (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya”.

(Surah Āli-‘Imrān, 3: 104)

Disebabkan amalan *amar ma‘rūf* dan *nahī munkar* menuntut ruang kepada kebebasan bersuara dan berhimpun maka sudah tentulah Islam membenarkan kebebasan tersebut. Walau bagaimanapun, Islam tidak membenarkan kebebasan bersuara dan berhimpun digunakan sebagai asas penipuan, fitnah, cacian, memporak perandakan masyarakat dan sebagainya⁹. Oleh itu, Fasal (2) yang memperuntukkan sekatan-sekatan terhadap kebebasan bersuara dan berhimpun tidak bertentangan dengan *maqāṣid al-syarī‘ah*. Oleh itu, kebebasan asasi yang melibatkan kebebasan bersuara dan berhimpun boleh dihadkan bagi tujuan kestabilan politik dan keharmonian kaum¹⁰. Ini selaras dengan pindaan mewujudkan Akta (pindaan) Perlembagaan 1971, Akta 30 yang menganggap perbuatan mempersoalkan isu-isu sensitif seperti hak keistimewaan, bahasa kebangsaan dan sebagainya sebagai kesalahan hasutan¹¹.

Berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan, maka Akta Perhimpunan Aman 2012 adalah hasil daripada peruntukan kuasa Parlimen untuk mengenakan apa-apa sekatan terhadap apa jua perhimpunan. Persoalan yang perlu dirungkaikan ialah sejauh mana akta ini menghalang atau mengawal perhimpunan. Jika akta ini menghalang perhimpunan secara mutlak ia perlu dibuat perubahan dan diharmonikan selaras dengan tuntutan Syarak. Ini kerana menghalang perhimpunan bertentangan dengan *maqāṣid al-syarī‘ah* yang sentiasa menekankan konsep *amar ma‘rūf nahī munkar* serta konsep *murāqabah* iaitu pengawasan dan kritikan terhadap pihak lain demi kemaslahatan ummah. Namun jika akta ini bertujuan mengawal perhimpunan agar ia berlangsung dengan baik, teratur dan harmoni, maka ia selaras dengan *maqāṣid al-syarī‘ah*.

GAMBARAN UMUM TENTANG AKTA PERHIMPUNAN AMAN 2012

Pada dasarnya Akta Perhimpunan Aman 2012 diwujudkan bagi menggantikan seksyen 27, 27A, 27B dan 27C Akta Polis 1967 (Akta 344) mengenai hak berhimpunan. Akta ini akan menghapuskan syarat bagi lesen untuk

⁹ Mohammad Hashim Kamali, *Freedom of Expression in Islam*, 53.

¹⁰ Mohd. Azizuddin Mohd. Sani, *Hak Asasi & Hak Bersuara Menurut Pandangan Islam dan Barat* (Bentong: PTS Publications & Distributors, 2002), 154.

¹¹ Mardiana Nordin dan Hasnah Hussin, *Pengajian Malaysia* (Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, 2004), 140.

mengadakan atau mengumpulkan mana-mana perhimpunan atau membentuk mana-mana perarakan di mana-mana tempat awam. Berikutan pemansuhan itu, semua lesen yang dikeluarkan bagi apa-apa perhimpunan atau membentuk apa-apa perarakan di bawah Seksyen 27 yang masih belum diputuskan oleh pegawai yang menjaga Daerah Polis atau Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis tidak akan diteruskan. Semua lesen yang dikeluarkan bagi mana-mana perhimpunan dan perarakan yang akan diadakan, dikumpulkan atau dibentuk sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta ini hendaklah terhenti berkuat kuasa¹². Akta Perhimpunan Aman atau Akta 736 terdiri daripada enam bahagian dengan 27 fasal serta dilengkapi dengan 4 Jadual. Bahagian pertama adalah tentang matlamat akta ini. Manakala bahagian dua tentang hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata. Bahagian tiga pula menyatakan tentang tanggungjawab penganjur, peserta dan polis. Seterusnya bahagian empat adalah tentang kehendak-kehendak yang perlu dipatuhi sebelum pengajuran perhimpunan. Penguatkuasaan undang-undang meliputi kuasa menangkap dan kuasa untuk menyuraikan perhimpunan dibincangkan dalam bahagian lima. Manakala bahagian enam adalah tentang pelbagai perkara yang berkaitan perhimpunan¹³.

MENGHALANG PERHIMPUNAN BERTENTANGAN DENGAN *MAQĀSID AL-SYARĪ'AH*

Dari perspektif *maqāsid al-syarī'ah* dalam aspek kenegaraan, sesebuah kerajaan hendaklah membenarkan hak bersuara dan berhimpun untuk menyatakan bantahan dan ketidakpuasan hati rakyat terhadap pemerintah. Ini kerana *maqāsid* (objektif) umum dalam pensyariatan Islam itu sendiri adalah untuk menjadikan sistem kehidupan umat berjalan dengan baik justeru mewujudkan negara yang stabil. Dalam hal ini ibn ‘Āsyūr menyatakan¹⁴:

أَنَّ الْمُقْصِدَ الْعَامُ مِنَ التَّشْرِيعِ فِيهَا هُوَ حَفْظُ نَظَامِ الْأَمَّةِ وَاسْتِدَامُهُ صَلَاحَهُ
بِصَلَاحِ الْمَهِينِ عَلَيْهِ وَهُوَ نُوعُ الْإِنْسَانِ

¹² Harian Metro, <http://www.hmetro.com.my/articles/RangUndang-undangPerhimpunanAman2012dibentangkandiParlimen/Article>, 2 Februari 2013.

¹³ Akta Perhimpunan Aman, <http://www.parlimen.gov.my/files/billindex/pdf/2011/DR422011.pdf>, 25 Mac 2012.

¹⁴ Muhammad Tāhir Ibn ‘Āsyūr, *Maqāsid al-Syarī'ah al-Islāmiyyah* (Kaherah: Dār al-Salām, 2007), 60.

“Sesungguhnya matlamat umum daripada perundangan Islam (syariah Islam) ialah memelihara sistem umat dan mengekalkan kebaikannya dengan pemberian terhadap nilai kehidupan manusia”.

Sistem kehidupan yang kucar-kacir akan merosakkan keamanan dan keharmonian masyarakat yang mengakibatkan masyarakat hidup dalam ketakutan dan kebimbangan yang berterusan. Suasana sebegini berlawanan dengan matlamat kenegaraan dalam Islam yang ingin menjadikan manusia hidup aman dan bersatu padu, saling tolong menolong dan menghormati hak dan tanggungjawab masing-masing.

Sudah menjadi lumrah alam bahawa tindakan kerajaan atau mana-mana pihak ada ketikanya tidak dipersetujui oleh sebahagian masyarakat. Oleh itu masyarakat diberi ruang untuk menyatakan bantahan dan ketidakpuasan hati masing-masing. Di antara kaedah untuk menyatakan bantahan adalah dengan mengadakan perhimpunan bagi menyedarkan masyarakat tentang sesuatu isu. Justeru itu jika dilihat dari sudut ini, mana-mana akta yang menghalang perhimpunan adalah suatu akta yang bertentangan dengan *maqāṣid al-syarī‘ah*. Walau bagaimanapun, usaha ke arah mengawal perhimpunan agar ia berlangsung dengan baik tanpa menjelaskan keselamatan masyarakat, merosakkan harta benda awam dan tidak mengganggu ketenteraman masyarakat adalah usaha yang selaras dengan *maqāṣid al-syarī‘ah*. Tujuan daripada kawalan ini adalah bagi menjaga suasana harmoni dan keamanan. *Maslahah* di sebalik kawalan ini adalah besar dan penting bagi sesebuah negara dan umat Islam secara amnya. Ianya termasuk di bawah *hifz al-māl* (pemeliharaan terhadap harta) dan *hifz al-nafs* (pemeliharaan terhadap nyawa) yang menjadi sebahagian daripada *kulliyat al-khams* (pemeliharaan terhadap kepentingan lima)¹⁵.

Nabi SAW sendiri pernah menunjukkan teladan yang baik dalam memberikan hak asasi kepada umatnya. Dalam lipatan sejarah, para Sahabat RA pernah melakukan perhimpunan. Perhimpunan para Sahabat ketika itu terbahagi kepada dua golongan iaitu golongan Aws dan golongan Khazraj. Dua golongan ini telah diperingatkan oleh musuh dengan kisah-kisah perang, pembunuhan dan kezaliman yang berlaku antara mereka sebelum Islam. Akhirnya mereka berkumpul dan membawa senjata masing-masing untuk berperang sesama mereka. Walau bagaimanapun Nabi SAW telah berjaya meleraikan permusuhan tersebut¹⁶. Kisah ini memberikan petunjuk

¹⁵ Muḥammad bin ‘Umar bin al-Ḥusayn al-Rāzī, *al-Maḥṣūl fi ‘Ilm al-Uṣūl* (ed. Muḥammad Abd al-Qādir’Aṭā; Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999), vol. 2, 282.

¹⁶ Lihat huraian kisah ini dalam tafsir surah Ālī ‘Imran (3):103. Contohnya Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur‘ān al-‘Azīm*, vol. 2, 54-55.

yang jelas bahawa perhimpunan adalah dibenarkan dalam Islam. Walau bagaimanapun, tindakan para sahabat Nabi SAW yang berkumpul dengan niat untuk berbunuhan dan menumpahkan darah dengan membawa senjata masing-masing adalah tindakan yang tidak wajar dan tidak haruskan oleh Syarak. Ini kerana pertumpahan darah dan kekacauan boleh berlaku apabila masing-masing telah dibekalkan senjata. Nabi SAW mengambil tindakan yang bijaksana dengan bertindak tegas meleraikan perhimpunan tersebut.

Dalam peristiwa pembinaan masjid yang dikenali sebagai masjid *dirār*, masjid tersebut dirobohkan kerana boleh mencetuskan perpecahan umat Islam ketika itu. Sebagaimana dimaklumi bahawa antara fungsi masjid tersebut adalah sebagai tempat perhimpunan. Walau bagaimanapun, masjid tersebut bakal menjadi tempat perhimpunan yang boleh memecahkan kesatuan umat Islam. Sejajar dengan peristiwa tersebut turunnya wahyu dari Allah SWT menjelaskan bahawa masjid tersebut adalah masjid yang membahayakan. Allah SWT berfirman:

وَالَّذِينَ أَخْرَجُوا مَسَاجِدًا ضِرَارًا وَكُفْرًا وَتَقْرِيبًا بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ
وَإِرْصَادًا لِمَنْ حَارَبَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ مِنْ قَبْلٍ وَلِيَحْلِفُنَّ إِنْ أَرَدْنَا إِلَّا الْحُسْنَى
وَاللَّهُ يَشَهِّدُ إِنَّهُمْ لَكَذِبُونَ

(107)

“Dan (di antara orang-orang munafik itu) ada orang-orang yang mendirikan masjid untuk menimbulkan kemudharatan (pada orang-orang mukmin), untuk kekafiran dan untuk memecah belah antara orang-orang mukmin serta menunggu kedatangan orang-orang yang telah memerangi Allah dan rasulNya sejak dahulu. Mereka sesungguhnya bersumpah bahawa kami tidak mengkehendaki selain kebaikan. Dan Allah menjadi saksi bahawa sesungguhnya mereka itu adalah pendusta (dalam sumpahnya)”.

(Surah al-Tawbah, 9 : 107)

Berdasarkan dua peristiwa tersebut dapat dinyatakan bahawa perhimpunan yang boleh membawa kemudaratan kepada umat Islam hendaklah dicegah oleh pihak berkuasa atau pemerintah. Justeru itu apa juar perhimpunan yang membawa kemudaratan kepada masyarakat umum hendaklah dihalang. Walau bagaimanapun, pemerintah tidak boleh menghalang perhimpunan yang tidak memudaratkan masyarakat atau orang awam. Contohnya Nabi SAW pernah memberi nasihat kepada para Sahabat agar tidak duduk berhimpun di jalan atau tepi jalan. Namun para Sahabat menyatakan bahawa mereka perlu kepada

situasi tersebut. Maka Nabi SAW memberi nasihat agar mereka menjaga hak jalan¹⁷.

Dari perspektif *maqāṣid al-syarī‘ah*, perhimpunan bagi menyatakan bantahan merupakan satu perkara yang baik. Walau bagaimanapun, wujud elemen-elemen dalam perhimpunan yang mungkin membawa kepada kemudarat. Secara umumnya apabila bertembungnya antara maslahat dan mudarat, kaedah yang digunakan ialah menolak kemudarat diutamakan. Ini berdasarkan kaedah¹⁸:

درء المفاسد مقدم على جلب المصالح

“Menolak kemudarat-kemudarat diutamakan daripada usaha mendapat kemaslahatan”.

Walau bagaimanapun, kaedah ini tidaklah diaplikasikan sewenang-wenangnya¹⁹. Secara hukum adat, setiap sesuatu mempunyai kebaikan dan keburukannya yang tersendiri. Malah arak dan judi juga disebutkan dalam al-Quran tentang manfaat-manfaatnya walaupun ada mudaratnya²⁰. Demikianlah juga bagi setiap perkara dalam kehidupan manusia. Justeru itu kaedah yang lebih khusus ialah menilai aspek manakah yang lebih dominan di antara *maslahah* dan *mafsadah*²¹. Jika kemudarat (*mafsadah*) daripada perhimpunan lebih besar dan diyakini berlaku, maka perhimpunan mestilah dihalang. Walaupun ada manfaat, namun jika mudarat melibatkan orang lain apatah masyarakat yang ramai maka menolak mudarat mestilah diutamakan²². Jika tidak, maka perhimpunan mestilah dibenarkan. Ianya bertepatan dengan kaedah²³:

¹⁷ Muhammad Ibn Ismā‘il al-Bukhārī, Ṣahīḥ al-Bukhārī, no hadis 2465 dalam Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1998), vol. 5, 138, no hadis 2465. Hak jalan tersebut ialah menjaga pandangan mata, menahan diri daripada menyakiti makhluk, menjawab salam dan menyuruh berbuat baik serta menegah perkara munkar.

¹⁸ Aḥmad Ibn Muḥammad al-Zarqā, *Syarḥ al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah* (Damsyiq: Dār al-Qalam, 1998), 205.

¹⁹ Ridzwan Ahmad, “Metode Pentarjihan Maslahah dan Mafsadah dalam Hukum Islam Semasa”, *Jurnal Syariah* 16/1 (2008), 122-123.

²⁰ Surah al-Baqarah (2) : 219.

²¹ Ridzwan Ahmad, “Metode Pentarjihan Maslahah dan Mafsadah dalam Hukum Islam Semasa”, 123.

²² Aḥmad Ibn Muḥammad al-Zarqā, *Syarḥ al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah*, 206.

²³ Ridzwan Ahmad, “Metode Pentarjihan Maslahah dan Mafsadah dalam Hukum Islam Semasa”, 123.

تقدِّم المصلحة الغالبة على المفسدة النادرة

“Diutamakan maslahat yang dominan (kuat) daripada mafsaadah yang jarang berlaku”.

Tindakan yang lebih bijaksana dalam situasi seumpama ini ialah dengan mengawal perhimpuan agar mudaratnya dikurangkan dan tercapai manfaatnya, bukannya menyekat dan menghapuskan segala bentuk perhimpunan yang hendak diadakan oleh mana-mana pihak. Justeru itu Akta Perhimpunan Aman 2012 diwujudkan demi mengawal kemudaratannya yang dibimbangi berlaku sehingga menjelaskan kestabilan negara. Walau bagaimanapun dengan syarat yang amat ketat dikenakan ke atas perhimpunan tersebut akan menggambarkan seolah-olah akta tersebut bertujuan untuk menyekat kehendak mana-mana golongan dari mengadakan perhimpunan aman di negara ini.

AKTA PERHIMPUNAN AMAN MENGHALANG PERHIMPUNAN

Tindakan menghalang perhimpunan bermaksud tindakan bagi menghalang apa jua perhimpunan. Apatah lagi jika perhimpunan adalah perhimpunan menyatakan bantahan atau perhimpunan politik. Dengan itu, pelbagai syarat dikenakan agar perhimpunan tidak dibenarkan diadakan mengikut peruntukan undang-undang.

Secara zahirnya peruntukan Akta Perhimpunan Aman 2012²⁴ didapati menghalang perhimpunan berdasarkan beberapa perkara berikut:

- i) Kesemua perhimpunan adalah salah melainkan yang dibenarkan sahaja.
- ii) Pengecualiaan perhimpunan dalam Jadual ketiga adalah terhad.
- iii) Kuasa polis dalam penguatkuasaan.
- iv) Tiada had bilangan minimum bagi sesuatu perhimpunan.

Berikut adalah huraian lebih lanjut berkaitan dengan perkara-perkara tersebut:

- i) Kesemua perhimpunan adalah salah melainkan yang dibenarkan sahaja

Dalam Jadual ketiga Akta Perhimpunan Aman 2012, terdapat tujuh jenis perhimpunan yang tidak perlu kepada pemberitahuan. Jadual ketiga menyatakan²⁵:

²⁴ Akta Perhimpunan Aman , <http://www.parlimen.gov.my/files/billindex/pdf/2011/DR422011.pdf>, 25 Mac 2012.

²⁵ Akta Perhimpunan Aman, Jadual Ketiga, 19.

Perhimpunan yang baginya pemberitahuan tidak dikehendaki:

- i. *Perhimpunan keagamaan*
- ii. *Perarakan pengebumian*
- iii. *Majlis perkahwinan*
- iv. *Rumah terbuka semasa perayaan*
- v. *Pertemuan keluarga*
- vi. *Hari keluarga yang diadakan oleh majikan bagi manfaat pekerjanya dan keluarga mereka*
- vii. *Mesyuarat tahunan pertubuhan atau persatuan*

Jadual ini memberi maksud bahawa secara dasarnya semua jenis perhimpunan adalah salah dan bertentangan dengan undang-undang melainkan jika ia dibenarkan. Tujuh perhimpunan ini yang tidak memerlukan pemberitahuan memberi isyarat bahawa semua jenis perhimpunan yang lain daripada tujuh jenis perhimpunan adalah ditegah. Dasar ini adalah suatu dasar yang bertentangan dengan semangat Perlembagaan yang menjamin hak untuk berhimpun. Berasaskan semangat Perlembagaan, difahami bahawa semua perhimpunan adalah harus dan dibenarkan kecuali dalam beberapa perhimpunan yang berpotensi membawa kemudaratian. Sebaliknya Akta Perhimpunan Aman 2012 bertegas menyatakan bahawa semua perhimpunan adalah tidak harus melainkan yang dibenarkan sahaja.

Apabila ditinjau dalam Islam, sesuatu perkara dikira harus secara asal. Ini berdasarkan kaedah fiqh²⁶ iaitu (الأسْلَفُ فِي الْأَشْيَاءِ الْإِبَاحةِ) (asal hukum dalam sesuatu adalah harus). Berdasarkan semangat Perlembagaan Persekutuan yang memberikan hak kebebasan berhimpun dan sekatan-sekatan dalam beberapa keadaan, maka Akta Perhimpunan Aman 2012 seharusnya selaras dengan perkara tersebut. Justeru itu akta tersebut sepatutnya menyatakan bahawa semua jenis perhimpunan adalah dibenarkan melainkan beberapa jenis perhimpunan sahaja perlu kepada pemberitahuan. Akta tersebut juga boleh memperincikan perhimpunan yang perlu kepada pemberitahuan termasuklah perhimpunan yang benar-benar boleh menggugat keselamatan atau mengganggu ketenteraman awam. Jika dilihat kepada bentuk dan tujuan perhimpunan yang pada dasarnya bertujuan untuk kebaikan maka tidak perlu ditegah secara umum.

²⁶ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-Suyūṭī, *al-Asybāh wa al-Naẓā’ir fī Qawā‘id wa Furū‘ Fiqh al-Syāfi‘iyyah* (Kaherah: al-Ḥalabī, t.t.), 59; ‘Alī Ahmād al-Nadawī, *al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah* (Damsyiq: Dār al-Qalam, 2000), 121-122.

ii) Pengecualian perhimpunan dalam Jadual ketiga adalah terhad

Pengecualiaan yang diperuntukkan dalam Jadual ketiga terhadap tujuh jenis perhimpunan yang tidak memerlukan pemberitahuan adalah terhad. Contohnya ia tidak meliputi perhimpunan sukan, perhimpunan menonton perlawanan sukan, pertandingan memancing, rumah terbuka semasa majlis hari jadi dan perhimpunan parti politik termasuk parti yang memerintah. Keterbatasan perhimpunan yang tidak memerlukan pemberitahuan adalah menyusahkan masyarakat awam. Kepayahan ini merupakan satu kemudaratannya kerana ia memerlukan kepatuhan kepada syarat-syarat dalam pemberitahuan. Dalam Islam, kemudaratannya hendaklah dihapuskan berdasarkan kaedah fiqh²⁷ إِذَا ضَاقَ الْأَمْرُ اتَّسَعَ (kemudaratannya hendaklah dihilangkan). Begitu juga keterbatasan ini juga membawa kepayahan dan kesempitan kepada mana-mana kepentingan dan kemaslahatan yang diperjuangankan oleh mana-mana pihak di Malaysia. Dalam Islam apabila kesempitan yang boleh menjelaskan kemaslahatan ummah maka ia akan diperluaskan (diper mudahkan) selaras dengan matlamat utama syariat Islam yang menghendaki kebaikan dan maslahat kepada masyarakat. Hal ini sejajar dengan kaedah fiqh²⁸ iaitu (apabila sesuatu perkara menjadi sempit, maka ia akan diperluaskan).

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa peruntukan yang menghadkan kepada tujuh jenis perhimpunan ini adalah peruntukan yang menyusahkan masyarakat. Maka peruntukan ini adalah peruntukan yang tidak mesra rakyat, justeru boleh difahami bahawa Akta Perhimpunan Aman 2012 mempunyai elemen ke arah menghalang perhimpunan rakyat.

iii) Tiada had bilangan minimum bagi sesuatu perhimpunan

Dalam Akta Perhimpunan Aman 2012, tidak dinyatakan had bilangan minimum peserta yang boleh dikira sebagai perhimpunan. Ini menimbulkan kekeliruan tentang maksud perhimpunan. Pertemuan seramai lima atau sepuluh orang boleh juga dikira sebagai perhimpunan. Tafsiran tentang perhimpunan dalam akta ini ialah²⁹:

²⁷ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-Suyūṭī, *al-Asybāh wa al-Naẓā’ir fī Qawā‘id wa Furū‘ Fiqh al-Syāfi‘iyah*, 84.

²⁸ Ahmad Ibn Muhamad al-Zarqā, *Syarḥ al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah*, 163; Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-Suyūṭī, *al-Asybāh wa al-Naẓā’ir fī Qawā‘id wa Furū‘ Fiqh al-Syāfi‘iyah*, 84.

²⁹ Akta Perhimpunan Aman, 5, Bahagian I, Fasal 3.

“Perhimpunan ertinya suatu perhimpunan sesuatu bilangan orang yang disengajakan dan sementara di sesuatu tempat awam”

Ketiadaan bilangan had minimum menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat. Dalam aspek perlaksanaan undang-undang, undang-undang tersebut mestilah jelas dan mudah difahami. Oleh kerana itu, kekeliruan dan keraguan menjadi asas kepada penafian kesalahan. Ini berdasarkan kaedah fiqh³⁰ ادراة الحدود بالشهادات (tolaklah hudud dengan sebab keraguan). Keraguan dalam menyabitkan kesalahan menjadi sebab kepada gugurnya hukuman hudud. Ini kerana keraguan menimbulkan salah tafsiran. Dalam Akta Perhimpunan Aman 2012, ketiadaan bilangan had minimum peserta boleh membawa kepada salah tafsiran. Oleh itu, ketiadaan peruntukan had minimum akan dijadikan alasan kepada pihak yang menentang akta ini sebagai bukti jelas bahawa ia adalah cubaan untuk menghalang perhimpunan.

iv) Kuasa polis dalam penguatkuasaan

Peruntukan kuasa bagi pihak polis untuk bertindak secara keras dan munasabah untuk menyuraikan perhimpunan ada dinyatakan dalam akta ini. Dimaktubkan dalam akta ini³¹:

21. (1) *Seseorang pegawai polis boleh mengeluarkan arahan untuk bersurai dalam hal keadaan yang berikut:*
- (2) *Pegawai polis itu, pada menjalankan kuasa untuk menyuraikan perhimpunan di bawah syeksen ini, boleh menggunakan segala kekerasan yang munasabah.*

Peruntukan bahawa pegawai polis boleh menggunakan kekerasan yang munasabah bakal mengundang pelbagai tafsiran yang menyeleweng. Tindakan kekerasan meliputi pelbagai tindakan seperti pukulan, semburan air, tembakan gas pemedih mata dan sebagainya. Frasa ‘kekerasan yang munasabah’ tidak dijelaskan dengan tatacara tindakan (SOP) yang sepatutnya. Maka peruntukan ini akan menjadi aset untuk menghalang perhimpunan dengan alasan bahawa sudah tiba masanya bagi pihak polis untuk menggunakan kekerasan yang munasabah walaupun peserta perhimpunan merasakan mereka tidak melakukan apa-apa elemen yang melayakkkan polis bertindak secara

³⁰ Muhammad ibn ‘Ismā‘īl al-Ṣun’ānī, *Subul al-Salām* (Beirut: Dār al-Fikr, 1995), vol. 4, 1692, no hadis 1141; Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-Suyūtī, *al-Asybāh wa al-Naẓā’ir fī Qawā‘id wa Furū‘ Fiqh al-Syāfi‘iyyah*, 130.

³¹ Akta Perhimpunan Aman, 16, Fasal 21 (1) dan (2).

keras. Begitu juga peruntukan Fasal 8 iaitu “*seseorang pegawai polis boleh mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk memastikan perhimpunan dikendalikan dengan teratur mengikut akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis yang lain*” seolah-olah memberi kuasa mutlak kepada polis untuk bertindak ke atas peserta perhimpunan aman.

Dapatlah dinyatakan bahawa berdasarkan empat perkara ini, didapati bahawa Akta Perhimpunan Aman 2012 mempunyai elemen menghalang perhimpunan masyarakat. Ianya tidak menggambarkan bahawa akta tersebut bertujuan mengawal perhimpunan agar menyumbang kepada keamanan negara semata-mata. Jika sesuatu perhimpunan sangat dikehendaki untuk diadakan demi menegakkan kebenaran dan menolak kebatilan sedangkan akta yang digubal menghalangnya maka tindakan tersebut adalah berlawanan dengan *maqāṣid al-syarī‘ah*.

AKTA PERHIMPUNAN AMAN MENGAWAL PERHIMPUNAN

Walaupun dinyatakan dan dihuraikan bahawa Akta Perhimpunan Aman 2012 mempunyai peruntukan yang seolah-olah menghalang perhimpunan, namun akta ini juga didapati berusaha untuk mengawal perhimpunan dalam beberapa peruntukan yang ada. Usaha mengawal sesuatu tindakan agar tidak berlaku sesuatu yang memudaratkan merupakan perkara yang selaras dengan *maqāṣid al-syarī‘ah*. Ini kerana:

- i. Kekacauan, huru-hara dan keganasan semasa perhimpunan merupakan perkara yang tidak diizinkan dalam syariah. Oleh itu, adalah wajib menghalang perkara tersebut daripada berlaku. Kewajipan mencegah kekacauan, huru-hara dan keganasan tidak akan tercapai melainkan dengan usaha mengawal perhimpunan. Oleh itu, kawalan terhadap perhimpunan adalah wajib. Ini berdasarkan kaedah³²:

ما لا يتم الواجب إلا به فهو واجب

“Sesuatu yang tidak sempurna melainkan dengannya maka ia adalah wajib”.

- ii. *Maqāṣid al-syarī‘ah* berpaksikan kepada *maṣlahah* iaitu kebaikan kepada masyarakat. Dalam hal ini Ibn al-Qayyim menyatakan³³:

³² Muhammad Ibn ‘Abd al-‘Azīz al-Musnad, *al-Qawā‘id al-Hisān Min Kalām Syaikh al-Islām Ibn Taymiyyah* (Riyadh: Dār al-Āṣimah, 2007), 81.

³³ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *I'lām al-Muwaqqi'īn* (Mansurah: Maktabah al-Imān, 1999), vol. 3, 3.

فإن الشريعة مبنها وأساسها على الحكم ومصالح العباد في المعاش والمعاد

“Maka sesungguhnya binaan syariah dan asasnya berteraskan hikmah-hikmah dan maslahat-maslahat manusia di dunia dan di akhirat”.

Aplikasi *maqāṣid al-syarī‘ah* dizahirkan dalam bentuk pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta³⁴. Perhimpunan yang memudaratkan jika tidak dikawal pada peringkat awalnya bakal membawa kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda. Dalam situasi perhimpunan yang tidak aman, pembunuhan, kecederaan individu, kemalangan dan kerosakan harta-benda tidak dapat dielakkan jika perhimpunan bertukar menjadi ganas. Dalam situasi tersebut, mengawal perhimpunan adalah suatu maslahat yang amat penting.

Tindakan mengawal sesuatu perhimpunan agar ia tidak menimbulkan mudarat tidaklah bertentangan dengan Islam. Apabila diteliti Akta Perhimpunan Aman 2012, didapati bahawa akta ini berusaha untuk mengawal keamanan. Kenyataannya adalah seperti berikut:

- i) Matlamat Akta Perhimpunan Aman 2012 menyatakan dengan jelas bahawa setiap warganegara mempunyai hak untuk menganjurkan perhimpunan secara aman

Akta Perhimpunan Aman 2012 memperuntukkan satu peruntukan yang menyatakan secara jelas bahawa setiap warganegara mempunyai hak untuk menganjurkan perhimpunan secara aman³⁵ iaitu:

2. *Matlamat akta ini adalah untuk memastikan –*

(a) selagi wajar untuk berbuat demikian, bahawa semua warganegara mempunyai hak untuk menganjurkan perhimpunan atau untuk menyertai perhimpunan, secara aman dan tanpa senjata; dan

Berdasarkan peruntukan ini, bolehlah dinyatakan bahawa akta ini bukan bertujuan menghalang apa juu perhimpunan tetapi ia hanya bertujuan mengawal perhimpunan. Ini kerana setiap warganegara mempunyai hak untuk menganjurkan perhimpunan dan hak untuk menyertai perhimpunan.

³⁴ Muḥammad Ṭāhir Ibn ‘Āsyūr, *Maqāṣid al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*, 77.

³⁵ Akta Perhimpunan Aman, 4, Fasal 2 (a).

ii) Pemberitahuan dan permohonan keizinan

Sebelum Akta Perhimpunan Aman 2012, permit iaitu kebenaran mengadakan perhimpunan mestilah diperolehi daripada pihak polis. Tanpa permit polis, sesuatu perhimpunan dikira sebagai bertentangan dengan undang-undang. Perkara ini dinyatakan dalam Akta Polis 1967³⁶:

27. (2) *Mana-mana orang yang berniat mengadakan atau mengumpulkan mana-mana perhimpunan atau perjumpaan atau membentuk suatu perarakan di mana-mana tempat awam yang tersebut dahulu, hendaklah sebelum mengadakan, mengumpulkan atau membentuk perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu, membuat kepada Pegawai Penjaga Daerah Polis di mana perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu diadakan suatu permohonan untuk mendapatkan lesen bagi maksud itu, dan jika pegawai polis itu berpuas hati bahawa perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu tidak mungkin memudaratkan kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya atau membangkitkan kekacauan keamanan, dia hendaklah mengeluarkan suatu lesen dalam bentuk yang ditetapkan... ”.*

Berdasarkan peruntukan Akta Polis, sesuatu perhimpunan hendaklah dipohon suatu lesen kebenaran untuk perhimpunan. Lesen kebenaran ini akan dikeluarkan oleh pihak polis apabila mendapatinya tidak menimbulkan masalah keselamatan atau keamanan di Malaysia. Ini bermaksud bahawa ia bukan sekadar pemberitahuan atau makluman tetapi permohonan kebenaran. Peruntukan dalam Akta Polis ini menyukarkan proses perhimpunan. Walau bagaimanapun, permohonan permit kebenaran sebenarnya juga selaras dengan *maqāṣid al-syarī‘ah*. Ini kerana tugas menjaga keamanan dan keharmonian masyarakat merupakan tugas pihak berkuasa. Polis sebagai pihak berkuasa perlu diminta nasihat dan dimohon izin. Apabila kita merujuk al-Quran, adab dan peraturan dalam rumah ialah si anak mestilah meminta izin kepada ibu bapanya sebelum mereka masuk ke dalam bilik ibu bapa mereka pada tiga waktu. Dalam rumah tangga bahkan antara anak dan ibu bapanya, wujud keperluan untuk meminta izin³⁷. Maka tujuan di sebalik perintah tersebut adalah agar tidak berlaku mudarat seperti terlihat keadaan ibu bapa yang tidak wajar untuk

³⁶ Akta Polis 1967 (Petaling Jaya: International Law Book Services, 2011), 27, Perkara 27 (2).

³⁷ Lihat surah al-Nūr (24) : 58.

dilihat oleh anak. Maka demi menjaga keamanan, keperluan memohon lesen adalah wajar. Namun kebenaran permit mungkin boleh ditafsirkan sebagai menghalang perhimpunan kerana tertakluk kepada kebenaran polis sedangkan polis juga mempunyai tafsiran yang tersendiri yang kadang kala bercanggah dengan kehendak penganjur perhimpunan. Bahkan lesen perhimpunan yang telah dikeluarkan boleh juga dibatalkan. Ini dinyatakan dalam perkara yang sama³⁸ iaitu:

“Dia hendaklah mengeluarkan suatu lesen dalam bentuk yang ditetapkan dengan menyatakan nama pemegang lesen itu dan menerangkan syarat-syarat atas mana perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu dibenarkan: Dengan syarat bahawa pegawai polis itu boleh pada bila-bila masa membatalkan lesen itu atas apa-apa alasan yang membolehkan lesen tidak dikeluarkan di bawah subsyeksen ini”.

Walau bagaimanapun, peruntukan Akta Perhimpunan Aman 2012 tidak meletakkan syarat permohonan keizinan sebaliknya hanya sekadar pemberitahuan. Maka ini membuktikan bahawa akta ini bertujuan mengawal perhimpunan dan bukannya menghalang. Keizinan melalui permit polis tidak lagi menjadi syarat atau keperluan. Apa yang diperlukan ialah pemberitahuan kepada pihak polis melalui Pegawai yang menjaga Daerah Polis. Ini bermakna bahawa pihak polis tidak mempunyai kuasa untuk menghalang perhimpunan. Perkara ini dimaktubkan dalam akta³⁹:

9. (1) *Seseorang pengajur hendaklah dalam tempoh tiga puluh hari sebelum tarikh perhimpunan, memberitahu Pegawai yang Menjaga Daerah Polis di mana perhimpunan itu hendak diadakan.*
- iii) Perincian tanggungjawab tiga pihak iaitu pihak pengajur, tanggungjawab peserta perhimpunan dan tanggungjawab polis

Perincian tanggungjawab adalah jelas bagi tujuan mengawal perhimpunan. Contohnya ialah antara tanggungjawab pengajur ialah memastikan pengajuran perhimpunan tidak melanggar Akta Perhimpunan, memastikan tidak berlaku perbuatan yang berkecenderungan untuk mengembangkan perasaan

³⁸ Akta Polis 1967, 27, Perkara 27 (2), h. 27.

³⁹ Akta Perhimpunan Aman, halaman 10, Perkara 9, Terdapat perubahan tempoh masa yang dipinda namun asas perbincangan di sini tidaklah memfokuskan kepada aspek tempoh masa sebaliknya kepada aspek pemberitahuan sahaja.

jahat serta memastikan perhimpunan tidak menyebabkan kerosakan kepada harta dan alam sekitar. Manakala peserta diberi tanggungjawab antaranya tidak menyebabkan kerosakan kepada harta. Perincian tanggungjawab ini memberi ruang bahawa perhimpunan bukan bermatlamat untuk melakukan huru-hara, kekacauan, mengganggu ketenteraman awam, merosakkan harta benda dan sebagainya tetapi ia bertujuan menyatakan bantahan dan sebagainya. Perhimpunan yang bertujuan untuk mengadakan suasana huru-hara, kacau-bilau, ketenteraman awam dan sebagainya adalah perhimpunan yang mesti dicegah. Ini kerana tujuan perhimpunan bukanlah untuk perkara tersebut tetapi untuk menyatakan bantahan.

iv) Respons terhadap pemberitahuan

Perhimpunan adalah wajib diberitahu kepada pihak polis iaitu pegawai yang menjaga daerah. Namun pemberitahuan bukanlah bermaksud bahawa ia perlu kepada keizinan atau permit pihak polis. Pemberitahuan adalah bertujuan agar pihak polis dapat memastikan perhimpunan berlangsung dengan baik. Oleh itu, perkara 14 menyatakan⁴⁰:

14. (1) Pegawai yang menjaga daerah polis hendaklah memberikan respons terhadap pemberitahuan di bawah subsyeksen 9 (1) dalam tempoh dua belas hari daripada penerimaan pemberitahuan...

(2) Jika Pegawai yang menjaga Daerah Polis tidak memberikan respons terhadap pemberitahuan itu mengikut subsyeksen (1), perhimpunan itu hendaklah diteruskan sebagaimana yang dicadangkan dalam pemberitahuan itu.

Justeru itu, pemberitahuan bukan bermaksud meminta kebenaran. Ia hanya sekadar pemberitahuan untuk pihak polis bertindak mengawal suasana perhimpunan. Oleh itu, perhimpunan boleh diteruskan walaupun tanpa respons pihak polis. Ini bermaksud bahawa tiada jawapan daripada pihak polis memberikan satu asas bahawa pemberitahuan tentang perhimpunan sudah diberitahu kepada pihak polis. Maka perhimpunan boleh diteruskan. Ini kembali kepada kaedah asas bahawa asal sesuatu adalah harus⁴¹.

⁴⁰ Akta Perhimpunan Aman, 12 – 13, Perkara 14.

⁴¹ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī, *al-Asybāh wa al-Naẓā’ir fī Qawā‘id wa Furū‘ Fiqh al-Syāfi‘iyyah*, 59; ‘Alī Aḥmad al-Nadawī, *al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah*, 121-122.

v) Perjumpaan dengan penganjur

Bagi mengawal perhimpunan, pihak polis boleh memanggil pihak penganjur untuk perjumpaan bagi tujuan nasihat tentang perhimpunan tersebut. Nasihat bukanlah suatu arahan. Ia sekadar bertukar fikiran tentang kehendak penganjur perhimpunan. Pihak polis akan mencadangkan nasihat dan alternatif demi ketenteraman awam.

vi) Perhimpunan serentak

Jika wujud dua pemberitahuan atau lebih tentang perhimpunan yang akan diadakan pada masa, tarikh dan tempat yang sama, semua perhimpunan tersebut boleh diadakan dengan syarat kepatuhan kepada sekatan-sekatan dalam perkara 15. Perkara ini dinyatakan seperti berikut⁴²:

17.(1) Jika Pegawai Yang Menjaga Daerah Polis menerima pemberitahuan bagi dua perhimpunan atau lebih yang hendak dianjurkan, dan perhimpunan itu dicadangkan untuk diadakan pada masa, tarikh dan di tempat yang sama, perhimpunan itu boleh, tertakluk kepada sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah seksyen 15, diadakan serentak.

Namun jika pada pendapat pihak polis bahawa perhimpunan tersebut tidak boleh diadakan secara serentak, maka terdapat dua kaedah bagi memberi laluan kepada mana-mana perhimpunan. Kaedah tersebut adalah dengan menilai permohonan yang lebih awal atau dengan membuat cabutan. Dua kaedah ini adalah kaedah yang tidak bertentangan dengan Islam. Cabutan atau juga undian diamalkan dalam amalan Nabi SAW. Ia disebut sebagai *qur’ah*⁴³.

Perhimpunan serentak adalah perhimpunan yang tidak mempunyai kaitan antara dua perhimpunan. Isu dua perhimpunan adalah berbeza melainkan masa, tempat dan tarikh mempunyai persamaan. Jika jangkaan bilangan kehadiran tidak terlalu ramai dan tempat adalah sesuai, maka dua jenis perhimpunan boleh diadakan secara serentak.

⁴² Akta Perhimpunan Aman, 14, Perkara 17.

⁴³ Undian tidaklah termasuk dalam perjudian. Ini kerana undian ini bertujuan membezakan antara hak-hak dan menyelesaikan pertikaian. Oleh itu, undian merupakan sesuatu yang diharuskan dalam Islam. Lihat Maḥmūd ‘Abd al-Rahmān ‘Abd al-Mun’im, *Mu‘jam al-Muṣṭalaḥāt wa al-Alfāz al-Fiqhiyyah* (Kaherah: Dār al-Faḍīlah, t.t.), vol. 3, 83.

vii) Perhimpunan balas

Perhimpunan balas ialah perhimpunan yang dianjurkan untuk menyampaikan pertentangan terhadap perhimpunan yang lain. Kumpulan A ingin menganjurkan perhimpunan bagi membantah suatu dasar. Manakala kumpulan B ingin menganjurkan perhimpunan bagi menyokong dasar tersebut.

Perhimpunan balas lebih mendatangkan bahaya kepada masyarakat. Dua kumpulan yang berhimpun demi matlamat yang berbeza. Kemungkinan tercetusnya percaduhan adalah besar. Walaupun begitu, Akta Perhimpunan Aman 2012 membenarkan perhimpunan diadakan dengan alternatif yang berbeza. Oleh itu, pihak polis akan mencadangkan masa, tarikh atau tempat yang berbeza. Ini dimaktubkan seperti berikut⁴⁴:

18. Jika Pegawai Yang Menjaga Daerah Polis menerima suatu pemberitahuan bagi perhimpunan balas dan ternyata bahawa pengajuran perhimpunan balas itu akan menyebabkan pertelingkahan antara peserta-peserta perhimpunan, Pegawai Yang Menjaga Daerah Polis hendaklah memberikan alternatif untuk perhimpunan balas itu dianjurkan pada masa, tarikh atau tempat yang lain.

Kisah perhimpunan balas yang berlaku antara umat Islam Aws dan Khazraj merupakan tindakan yang memudaratkan. Maka tindakan Nabi SAW sebagai ketua negara adalah dengan meleraikan perhimpunan tersebut⁴⁵. Berdasarkan peruntukan ini, adalah jelas bahawa akta ini tidak menghalang perhimpunan balas. Walau bagaimanapun, ia dikawal dengan perubahan masa sebagai contoh. Mungkin masa dan tarikhnya adalah sama namun tempatnya adalah berbeza. Ini adalah bagi mengelakkan pertembungan antara dua pihak yang berhimpun.

viii) Larangan membawa kanak-kanak

Kanak-kanak tidak dibenarkan menyertai perhimpunan kecuali perhimpunan yang dibenarkan atau dinyatakan dalam Jadual Kedua. Maka perbuatan merekrut atau membawa kanak-kanak ke sesuatu perhimpunan atau membenarkan kanak-kanak untuk menghadiri suatu perhimpunan adalah dikira suatu kesalahan⁴⁶.

⁴⁴ Akta Perhimpunan Aman, 15, Fasal 18.

⁴⁵ Lihat huraian kisah ini dalam tafsir surah Āli ‘Imrān (3):103. Contohnya Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, vol. 2, 54-55.

⁴⁶ Akta Perhimpunan Aman, 7, Fasal 4.

Larangan ini bertepatan dengan *maqāṣid al-syarī‘ah* yang bertujuan memelihara nyawa termasuk nyawa kanak-kanak. Sebagai insan yang masih kecil, kanak-kanak tidak dibebani dengan hukum taklif agama. Kanak-kanak juga tidak akan memahami dengan baik isu yang berlaku. Maka tindakan membawa kanak-kanak dalam suatu perhimpunan adalah tidak baik. Oleh itu, larangan ini tidaklah bertujuan menghalang perhimpunan.

KESIMPULAN

Akta Perhimpunan Aman 2012 adalah akta yang bertujuan menjaga keamanan dan keharmonian dalam negara dan masyarakat. Mana-mana tindakan yang boleh menimbulkan kemudaratkan terhadap orang awam adalah tindakan yang dilarang. Ini selaras dengan Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan kuasa khas menentang perbuatan subversif, keganasan terancang, dan perbuatan jenayah terancang yang memudaratkan orang awam⁴⁷. Walau bagaimanapun, wujud beberapa situasi yang menggambarkan ia seolah-olah mengongkong hak masyarakat untuk mengadakan apa juar perhimpunan. Antaranya ialah peruntukan beberapa jenis perhimpunan yang tidak perlu kepada pemberitahuan, tidak bersifat menyeluruh. Ketiadaan had bilangan minimum perlu diatasi dengan memberikan definisi yang mencakupi segenap aspek terhadap perhimpunan yang tertakluk dengan akta ini. Begitu juga peruntukan membenarkan polis boleh bertindak keras perlu didefenisikan sepenuhnya agar tidak disalahtafsirkan oleh pihak yang terlibat.

Pada dasarnya tujuan peruntukan akta ini adalah untuk memastikan hak dan kepentingan semua pihak yang terlibat terpelihara sama ada hak untuk mengadakan perhimpunan mahupun hak pemerintah untuk mengawal perhimpunan agar menyumbang kepada kehidupan rakyat yang harmoni dan tenteram bebas dari sebarang gangguan dan ketidakamanan dalam negara. Namun akta ini juga dikhuatiri menyumbang kepada ketidakadilan terhadap hak kebebasan rakyat di Malaysia jika kuasa Menteri yang diperuntukkan di dalamnya⁴⁸ digunakan secara bebas bagi mengekang kebebasan dan hak asasi rakyat. Walau bagaimanapun jika dilihat kepada aspek positifnya, kebanyakan peruntukan dalam akta ini selaras dengan *maqāṣid al-syarī‘ah*. Hanya terdapat beberapa peruntukan sebagaimana dinyatakan boleh dianggap berlawanan dengan *maqāṣid al-syarī‘ah*. Justeru itu aspek kekurangan tersebut boleh

⁴⁷ Perlembagaan Persekutuan, 158, Perkara 149; lihat Ahmad Ibrahim, *Sistem Undang-undang di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 227-233.

⁴⁸ Lihat misalnya Akta Perhimpunan Aman 2012, Fasal 25, 26 dan 27.

diharmonikan agar keadilan sejagat dapat dinikmati oleh semua lapisan rakyat di Malaysia. Sewajarnya akta ini dibuat berlandaskan perbincangan semua pihak agar kemaslahatan yang diharapkan terhadapnya mampu benar-benar direalisasikan terhadap rakyat Malaysia.

RUJUKAN

- Ahmad Ibrahim, *Sistem Undang-undang di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005).
- “Akta Perhimpunan Aman”, <http://www.parlimen.gov.my/files/billindex/pdf/2011/DR422011.pdf>, 25 Mac 2012.
- Akta Polis 1967 (Petaling Jaya: International Law Book Services, 2011).
- Al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar, *Fatḥ al-Bārī* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1998).
- Al-Ghazzālī, Abū Ḥāmid, *Iḥyā ‘Ulūm al-Dīn* (Mansurah: Maktabah al-Īmān, 1996).
- Harian Metro, <http://www.hmetro.com.my>, 2 Februari 2013.
- Ibn ‘Āsyūr, Muhammad Tāhir, *Maqāṣid al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah* (Qāherah: Dār al-Salām, 2007).
- Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm* (Manṣūrah: Maktabah al-Īmān, 1996).
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *I'lām al-Muwaqqi'iñ* (Mansurah: Maktabah al-Imān, 1999).
- Al-Khafīf, ‘Alī, *Asbāb Ikhtilāf al-Fuqahā* (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, t.t.).
- Al-Khayyāt, ‘Abd ‘Azīz, *al-Niẓām al-Siyāsī fī al-Islām* (Kaherah: Dār al-Salām, 1999).
- Maḥmūd ‘Abd al-Rahmān ‘Abd al-Mun’im, *Mu‘jam al-Muṣṭalahāt wa al-Alfāz al-Fiqhiyyah* (Kaherah: Dār al-Faḍīlah, t.t.).
- Mardiana Nordin dan Hasnah Hussin, *Pengajian Malaysia* (Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, 2004).
- Mohammad Hashim Kamali, *Freedom of Expression in Islam* (Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd., 1998).
- Mohd. Azizuddin Mohd. Sani, *Hak Asasi & Hak Bersuara Menurut Pandangan Islam dan Barat* (Bentong: PTS Publications & Distributors, 2002).
- Al-Musnad, Muḥammad ibn ‘Abd al-‘Azīz, *al-Qawā'id al-Hisān Min Kalām Syaikh al-Islām Ibn Taymiyyah* (Riyadh: Dār al-‘Āsimah, 2007).
- Al-Nadawī, ‘Alī Aḥmad, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* (Damsyiq: Dār al-Qalam, 2000).

Perlembagaan Persekutuan (Batu Caves: Penerbitan Akta (M) Sdn. Bhd., 2010).

Ridzwan Ahmad, “Metode Pentarjihan Maslahah dan Mafsadah dalam Penentuan Hukum Islam Semasa”. *Jurnal Syariah* 16/1 (2008): 107-143.

Al-Şun‘ānī, Muḥammad Ibn Ismā‘īl, *Subul al-Salām* (Beirut: Dār al-Fikr, 1995).

Al-Suyūtī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān, *al-Asybāh wa al-Naẓā’ir fī Qawā‘id wa Furū‘ Fiqh al-Syāfi‘iyyah* (Qāherah: al-Ḥalabī, t.t).

Al-Rāzī, Muḥammad bin Umar bin al-Ḥusayn, *al-Maḥṣūl fī ‘Ilm al-Uṣūl* (ed. Muḥammad Abd al-Qādir’Aṭā; Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999).

Al-Zarqā, Alḥmad ibn Muḥammad, *Syārḥ al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah* (Damsyiq: Dār al-Qalam, 1998).

